

12 SEP 1996

MENTERI EKONOMI ASEAN SEPAKAT ADAKAN PROGRAM KHAS ASIA TIMUR

Oleh: Khairdzir Yunus

JAKARTA, 12 Sept (Bernama) -- Persidangan Menteri-Menteri Ekonomi Asean (AEM) ke-28 di sini hari ini yang turut membincangkan soal Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) bersetuju supaya beberapa program khas diadakan bagi negara-negara Asia Timur.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata antara yang dipersetujui ialah mengadakan program khas bagi industri kecil dan sederhana, program berkaitan pemindahan teknologi dan pembangunan sumber manusia.

Beliau memberitahu para wartawan Malaysia selepas mesyuarat itu bahawa Malaysia diminta menyediakan kertas konsep program tersebut untuk dikemukakan pada Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-menteri Ekonomi Asean akan datang pada bulan November ini.

EAEC, gagasan yang dicetuskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, merupakan sebuah forum perundingan yang longgar dan tidak merupakan sebuah blok perdagangan.

Rafidah juga berkata mesyuarat hari ini turut bersetuju menerima cadangan Malaysia supaya kajian diadakan terhadap resolusi-resolusi yang diputuskan pada "Persidangan Asean Mengenai Buku Untuk Semua" di Kuala Lumpur baru-baru ini bagi tujuan memperluaskan penyebaran maklumat dan bahan bacaan di kalangan negara-negara Asean.

Katanya persidangan berkenaan telah mengenal pasti beberapa halangan yang menyekat penyebaran bahan bercetak di kalangan negara-negara Asean, antaranya yang melibatkan tarif, tatacara dan peraturan tertentu.

"Mesyuarat bersetuju supaya resolusi daripada persidangan tersebut dikaji dengan mendalam oleh Sekretariat Asean dan sesiapa juga yang wajar dijemput untuk sama-sama mengkajinya," kata beliau.

Beliau berkata antara resolusi yang bermanfaat untuk Asean ialah cadangan mengadakan tempat pengumpulan buku Asean di semua perpustakaan, penyediaan katalog buku Asean dan semua penerbitan dalam Asean, pesta buku Asean dan penterjemahan buku dan majalah.

"Kita mahu memperkenalkan Asean melalui media cetak kepada rakyat Asean," kata beliau.

Menyentuh perkara lain, Rafidah berkata para menteri ekonomi Asean hari ini mencapai persetujuan mengenai isu yang berkait dengan jadual pengurangan tarif bahan pertanian sensitif, beras dan gula, yang melibatkan Indonesia dan Filipina.

Katanya, mengikut persetujuan yang dicapai, Indonesia akan mula mengurangkan tarif bagi bahan-bahan berkenaan pada tahun 2003 dan berakhir pada 2010 dengan fleksibiliti diberikan kepadanya untuk menentukan tahap terakhir pengurangan tersebut.

Para menteri ekonomi yang bersidang pada peringkat Majlis Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Majlis Afta) semalam bersetuju menyerahkan kepada Sekretariat Asean untuk menentukan kaedah bagi menyelesaikan perkara itu.

Kebuntuan dicapai pada mesyuarat peringkat pegawai kanan (SEOM) sebelumnya apabila Indonesia yang disokong oleh Filipina meminta supaya tarikh pengurangan tarif bagi bahan tersebut dimulakan pada tahun 2010 dan berakhir pada 2020.

Majlis Afta adalah badan bagi menyelia pelaksanaan kawasan perdagangan bebas di kalangan negara Asean -- Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam -- menjelang tahun 2003. -- BERNAMA

KHY SIA

